



nufilan

Jamilah Bebe Mohamad

Jawatankuasa Penulisan Teks Ucapan dan
Penulisan Khas,
Majlis Konvokesyen Ke-20 dan Guru Bahasa,
Pusat Bahasa Moden (PBM)
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)



اوپنورسیتی ملیسیا فہج السلطان عبد اللہ
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

Karya Kreatif

Jubah Kebanggaan

Saban tahun ia disarung semula,
Bukan sehelai kain,
Bukan sekadar busana,
Warisan terpelihara memagari sebuah ilmu,
Sarungannya membawa sebuah harga luhur,
Sulamannya bermula dengan adab, dijahit dengan iman,
Akhlak menjadi benang, takwa jadi sulaman,

Bukan sekadar indah di mata,
Tetapi perisai diri dari kelesuan fikrah dunia fana.
Dipakai oleh insan yang menuntut ilmu,
Bukti bahawa cahaya ILMU itu tuntutan jiwa
Bekalan sepanjang hayat jalan selamat sentiasa
Menangkis kejahilan nyata membina kefahaman
Mungkin sekali atau berkali-kali
Yang pasti diingat sehingga bertemu Illahi
Jubah ini saksi sebuah perjalanan abadi
Saksi ilmu takkan berakhir bahkan ikut sekali.



[Creative Work](#)

Jubah Kebanggaan

- 25 views

[View PDF](#)